

OBOR BELIA

BUKU 1

ISTIMEWA DI MATA TUHAN

(SESUAI UNTUK REMAJA BERUSIA 11-14 TAHUN)



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Ingeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penulis & Penterjemah (Bahasa Malaysia): Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari University Islam Antarabangsa.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Penyunting Alkitab: Rev. Hwa Chien

Mendiang Rev. Hwa Chien memperoleh B.Sc. Bates College, U.S.A. dan M. Divinity, Gordon Cornwell Theological Seminary. Dia pernah menjawat sebagai pendeta dan Presiden Trinity Annual Conference untuk Gereja Methodist.

Cetakan Pertama : September 2009

Cetakan Kedua : September 2010

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.
Kulit Buku : John Thomas
Artis Ilustrasi : John Ho Yik Seng

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2009 Wawasan Penabur & Issachar Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Istimewa di Mata Tuhan
	Lembar Kerja
6	Sesi 1: Tolong! Aku Sedang Berubah
10	Sesi 2: Pertanyaan yang Setiap Orang Ingin Tahu
14	Sesi 3: Bangga dengan Diri Sendiri
18	Sesi 4: Cermin, Cermin di Dinding
22	Sesi 5: Tuhan Mencipta Lelaki dan Perempuan
26	Sesi 6: Jatuh Cinta
30	Sesi 7: Bila Saya Boleh Berpacaran?
34	Sesi 8: Perkataan 4 Huruf: Seks
	Panduan Pembimbing
41	Sesi 1
44	Sesi 2
47	Sesi 3
49	Sesi 4
52	Sesi 5
56	Sesi 6
59	Sesi 7
63	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para pemuda pemudi.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentangkan daripada sudut pandangan remaja/belia. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.






Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.

	<p>Objektif-Objektif Sesi Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.</p>
	<p>Pencetus Minat Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.</p>
	<p>Aktiviti Tambahan Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.</p>

Beberapa Panduan Berguna

* **Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

* **Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

* **Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

* **Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 1: Istimewa di Mata Tuhan

Mukadimah

Perubahan daripada masa kanak-kanak ke alam akil baligh selalu mendatangkan perubahan ketara bagi semua remaja. Ada yang mengharunginya tanpa emosi yang bercelaru sementara yang lain akan mengalami peralihan yang bergelora kerana banyak perubahan dialami mereka.

Bagi kebanyakan remaja, inilah masa mereka menjadi gelisah dengan wajah dan penampilan mereka. Ada yang mengeluh, "Tuhan, kenapa Engkau lupa saya sewaktu menghulur kecantikan atau kekacakan kepada ciptaan-Mu." Ada pula yang bersungut, "Mengapakah kakiku menjadi panjang," atau "Aduh, mengapakah muka saya berjerawat!"


Apapun gelora keremajaan yang melandai anda, satu hal penting yang perlu anda tahu ialah Tuhan tahu apa yang dilakukan-Nya sewaktu Dia mencipta anda. Dia menerima dan mengasihi semua remaja tidak kira mereka mempunyai kaki panjang ataupun berjerawat. Anda tidak perlu dinilai pada dasar rupa anda secara lahiriah atau apa yang anda miliki. Yang penting, anda mesti menerima apa yang diberikan oleh Tuhan kepada anda dan menghargainya dengan sebaik-baiknya. Kalau anda berbuat demikian, anda akan mendewasa dengan harga diri yang berharga dan mengetahui nilai anda yang sebenarnya di mata Tuhan.

Satu lagi cabaran ketika meningkat dewasa ialah isu perhubungan antara lelaki dan perempuan. Apa yang anda tonton dari TV, filem-filem, atau baca dari majalah, buku-buku dan laman web akan mempengaruhi fikiran anda. Anda akan berfikir memang wajar melibatkan diri dengan seseorang dari berlawanan jenis kerana ia sungguh "cool" atau teruja.

Jadi, patutkah anda mengikut teman-teman anda dan mula berpacaran? Apakah keinginan Tuhan untuk anda sebagai seorang remaja? Selidiki dan ketahui apakah nilai-nilai Tuhan mengenai "Perhubungan Lelaki dan Perempuan." Kemudian, tumpukan hati anda untuk mengejar apa yang berkenan di mata Tuhan. Selain itu, anda juga akan belajar mengapakah Tuhan memberi seks kepada manusia.

"Peliharalah aku seperti biji mata, sembunyikanlah aku dalam naungan sayap-Mu." (Mazmur 17:8)

Tolong!
Aku Sedang Berubah





Ayat Mas Alkitab

“Samuel bertambah besar, TUHAN menyertai dia dan membuat segala yang dikatakan-Nya mengenai Samuel benar-benar berlaku.” (1 Samuel 3:19)



Kata-kata Mutiara

Sewaktu kita beralih ke alam kedewasaan jasmani, kita harus memusatkan perhatian kita terhadap kedewasaan rohani juga.



Aktiviti Bersama

Senarai Akil Baligh

Akil Baligh? Satu istilah yang lucu tetapi jangan khuatir, istilah ini hanya menggambarkan perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa. Ketika ini para remaja akan mengalami perubahan dari segi bentuk badan dan emosi.

Bincang dalam kelompok anda tentang perubahan-perubahan yang anda lihat atau pernah alami lalu senaraikannya di bawah.

	Jasmani	Wajah	Suara	Perasaan
L e l a k i				
P e r e m p u a n				


Setujukah anda bahawa waktu remaja itu saat yang terindah! Mungkin anda akan berkata tidak semestinya setiap waktu! Sungguh mencabar! Sesetengah remaja akan berlayar tenang tetapi bagi yang lain kapal mereka mungkin terombang-ambing.

Ingat, tidak ada orang yang seistimewa anda.



Renungan Firman Tuhan

Bertumbuh Bersama Tuhan

 Sila baca 1 Samuel 3:1-21

1. Di manakah Samuel tinggal?
2. Menurut pandangan anda, apakah yang sedang dilakukan oleh Samuel di bait Tuhan?
 - Tertidur
 - Belajar tentang Tuhan daripada Eli
 - Melayani Tuhan dengan melakukan tugas di bait Tuhan
 - Bermuram kerana dia tidak diizinkan keluar main dengan teman-temannya
 - Bermain dengan dombanya
3. Sewaktu Samuel tetap setia dan akrab kepada Tuhan, bagaimanakah dia bertumbuh secara rohani (ayat 10-11)? Tandakan jawapan-jawapan yang betul.
 - Dia belajar mendengar kepada Tuhan
 - Dia berusaha berfikir menurut kebijaksanaan sendiri.
 - Dia belajar mentaati Tuhan hanya kalau itu mudah buatnya
 - Dia belajar mengetahui bila Tuhan bercakap dengannya
4. Apakah yang terjadi kepada Samuel sewaktu dia mencari dan melayani Tuhan sewaktu dia bertumbuh?

Ayat 19 _____

Ayat 20 _____

Ayat 21 _____



Renungan Peribadi

Bertumbuh Selalu

1. Bagaimanakah anda menjelaskan perhubungan anda dengan Tuhan sekarang?
 - Tidak wujud
 - Tidak terlalu intim dengan-Nya
 - Aku tidak terlalu kawatir akan-Nya
 - Biasa sahaja tetapi boleh lebih baik
 - Hebat. Dia begitu hidup kepada aku.
2. Kalau anda mengibaratkan kehidupan rohani anda dengan satu kegiatan sukan. Bagaimanakah anda akan menggambarkannya?
 - Sedang menyaksikan acara sukan di tepi pantai
 - Sedang menghangatkan diri
 - Pengan kerana terluka
 - Berehat sebentar
 - Memberi segala tenaga yang aku miliki



Doa


Berdoa agar Tuhan akan menolong anda untuk menjalin satu perhubungan yang intim dengan-Nya sewaktu menempuh alam akil baligh.

Santapan Minda

“Untuk memiliki Tuhan ialah untuk beribadah kepada-Nya.”

~ Martin Luther

**Pertanyaan yang
Setiap Orang
Ingin Tahu**





Ayat Mas Alkitab

“Demikianlah Allah menciptakan manusia dan menjadikan mereka seperti diri-Nya sendiri. Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan.” Kejadian 1:27



Kata-kata Mutiara

Setiap lelaki dan perempuan diciptakan berlainan oleh Tuhan. Anda akan menghadapi masalah yang berlainan sewaktu menghadapi akil baligh. Masalah-masalah yang dihadapi anda merupakan proses alamiah ketika anda melangkah ke alam dewasa. Sebab itu, anda mesti memahami apa yang terjadi kepada diri anda.



Renungan Firman Tuhan

1. Menurut anda adakah Tuhan bijaksana sewaktu Dia menciptakan lelaki dan perempuan berbeza? (Kejadian 1:27)
2. Apakah kita perlu merasa malu kerana kita mengalami perubahan jasmani dan hormon sewaktu akil baligh? (Kejadian 31:35)
3. Patutkah seorang remaja mengejek yang lain kerana suara dan tubuh mereka sedang berubah?
4. Apakah anda patut merasa depresi atau kehilangan keyakinan diri kalau teman-teman anda mengejek rupa anda. Perlukan anda terbawa oleh apa yang difikirkan orang lain? (Roma 12:2)
5. Apakah yang perlu kita lebih pentingkan daripada rupa? (1 Timotius 4:12)

6. Seandainya kawan-kawan anda meninggalkan anda atau mengejek anda kerana perubahan jasmani, apakah anda perlu merasa sedih? (Ulangan 31:6)

7. Jika anda merasa terluka dalam hatimu kerana kawan-kawan mengatakan sesuatu yang tidak baik tentang anda, penghiburan apakah yang boleh anda peroleh? (Mazmur 147:3)

8. Kalau anda merasa sedih dengan rupa sendiri, sebenarnya anda sedang menghina siapa? (Mazmur 139:13-14)



**Aktiviti
Bersama**

Dear Lolita....

Berikut adalah surat-surat daripada remaja-remaja yang mempunyai pertanyaan tentang perubahan yang dialami mereka. Kumpul dalam kelompok anda masing-masing dan cuba membalas surat mereka. Bayangkan anda seorang kaunselor yang bernama Cik Lolita.

Cik Lolita yang dikasihi

Kawan-kawan perempuan saya suka ketawa terbahak-bahak dan mengejek saya sewaktu saya bercakap. Mereka berkata suara saya sungguh aneh dan mereka merasa geli!

Billy

Dear Lolita,

Saya telah kehilangan banyak keyakinan diri apabila banyak jerawat tumbuh pada muka saya. Sewaktu kawan-kawan saya berkumpul, saya berusaha mengelak mereka agar mereka tidak akan menanyakan saya tentang jerawat saya. Bagaimanakah saya dapat mengatasi masalah saya?

Carol

Cik Lolita,

Aku merasa seakan-akan tubuh saya tidak seimbang. Pinggul saya besar dan kaki saya seakan-akan pendek. Saya telah banyak bersenam namun keseimbangan saya belum tercapai. Saya sering melihat di cermin dan merasa khuatir akan hal ini.

Rose




Renungan Peribadi

Kadar pembesaran dan perubahan akil baligh berbeza di antara lelaki dan perempuan. Jangan hairan kalau kadar perubahan juga berbeza di antara seorang individu dengan yang lain. Anda mungkin mempunyai kemusykilan-kemusykilan yang ingin anda tanya kepada orang yang lebih tahu. Tuliskan semua pertanyaan anda di ruangan yang tersedia dan bincanglah dalam kelompok kecil.

Pertanyaan-Pertanyaan Saya

Santapan Minda

Dr. Gary Chapman berkata perubahan yang dialami oleh para remaja hampir sama dengan perubahan yang dialami oleh ibu bapa mereka sewaktu remaja. “Cabaran penerimaan dan penyesuaian terhadap perubahan-perubahan dalam tubuh remaja. Lengan dan kaki, tangan dan jejari kaki kadang kala bertumbuh pada kadar yang tidak rata, dan mengakibatkan kenyataan “kejanggalan remaja” yang kadang kala sangat memalukan remaja.”


 Jadi, jangan terlalu kuarir, semua perubahan ini lazim!



Doa

Pujilah Tuhan kerana Dia telah menciptakan lelaki dan perempuan berbeza. Pujilah Tuhan atas segala perubahan yang anda alami sewaktu melangkah ke alam orang dewasa. Sembah Tuhan dan rayakan kebijaksanaan-Nya mencipta anda lelaki atau perempuan, serta persiapan-Nya semasa mendewasa.

Bangga Dengan Diri Sendiri





Ayat Mas Alkitab

“Aku memuji Engkau kerana Engkau menciptakan aku dengan baik dan luar biasa. Segala perbuatan-Mu ajaib dan mengagumkan. Aku benar-benar menyedarinya.” (Mazmur 139:14)



Kata-kata Mutiara

Nilai identiti diri dan harga diri kita tidak bergantung kepada kemampuan atau siapa diri kita. Jatidiri kita harus dinilai berdasarkan kenyataan bahawa kita telah diciptakan Tuhan dan dikasihi Tuhan. Kita sungguh penting dan istimewa kepada-Nya. Ingat, anda istimewa bukan kerana anda putera atau puteri kerabat diraja!



Aktiviti Bersama Mintalah

Baca cerita di bawah ini, kemudian ambil secarik kertas dan catat segala perubahan yang anda ingini. Ceritakannya dengan kelompok anda.

“Amboi! Cantiknya teko ini.” Sewaktu anda sedang berjalan-jalan dan melihat-lihat di kedai antik, tiba-tiba anda terlihat sebuah teko cantik yang sangat anda sukai. Ayah anda yang merupakan seorang peminat barang-barang antik juga tertarik dengan teko tersebut.

“Ya, saya mahu teko itu!” kata anda kepada ayah anda sebelum orang lain merebutnya.

Setiba di rumah, anda menggilap teko itu sehingga berkilat-kilat. Tiba-tiba jin besar muncul persis jin besar yang anda tonton dalam filem “Aladdin.”

“Terima kasih. Sudah lama aku ingin tinggal di sebuah rumah dan diperhatikan,” kata jin besar itu. Anda terkejut dan terpegun sebentar.

“Aku mahu membalas budimu. Minta saja apa sahaja yang kamu mahu dan semuanya akan dikurniakan kepada kamu. Kamu boleh meminta perubahan untuk kecantikanmu, kekayaanmu atau kemampuanmu atau apa sahaja,” katanya seraya tersenyum lebar.



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah yang dikatakan oleh ayat ini mengenai anda sebelum anda diciptakan? (Yeremia 1:5)
2. Mengapakah cara Tuhan menciptakan anda dikatakan sungguh istimewa? (Mazmur 139:13-14)
3. Apakah syarat kasih Tuhan terhadap anda? (Lukas 15:11-32)
4. Apakah yang harus anda lakukan untuk memperoleh kasih Tuhan?
5. Sejauh manakah Tuhan mengasihi anda? (Yesaya 43:4a)
6. Setelah anda mengkaji ayat-ayat Alkitab ini, bagaimanakah anda melihat diri sendiri?



Renungan Peribadi

Kita Biji Mata-Nya

Baca ayat-ayat Alkitab yang berikut. Kemudian lukiskan sesuatu untuk membantu anda mengingatnya dengan cepat. Tuliskan juga satu frasa untuk menjelaskannya.

- Yesaya 49:16a

Yesaya 43:4a

Yesaya 62:3

Yeremia 1:5

Mazmur 139:13

Mazmur 139:14

Mazmur 119:73a

Santapan Minda

Josh McDowell & Bob Hostetler berkata, "Harga diri bukanlah sesuatu yang asing dalam Alkitab. Ia terangkai dalam inti proses penebusan Tuhan. Dia membeli kita dengan suatu harga kerana Dia mengetahui nilai kita yang sebenarnya. Harga yang dibayar-Nya ialah Yesus (1 Korintus 6:20; 1 Petrus 1:18,19). Kalau kita ingin meletakkan harga pada diri kita sendiri, kita perlu meletakkan tanda yang tertulis demikian, "Yesus"; nilai kita, "harga Yesus" kerana Tuhan telah membayar-Nya bagi kita melalui kematian-Nya di kayu salib untuk dosa kita. Inilah pernyataan Tuhan tentang nilai kita."



Doa

Bersyukur kepada Tuhan kerana Dia menebus anda dengan nyawa-Nya dan menganggap anda cukup berharga.

Cermin, Cermin di Dinding





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi berfirmanlah Tuhan kepada Samuel: “Janganlah pandang parasnya atau perwatakan yang tinggi, sebab Aku telah menolaknya. Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Allah; manusia melihat apa yang di depan mata, tetapi Tuhan melihat hati.” (1 Samuel 16:7b)



Kata-kata Mutiara

Harga diri yang positif tidak perlu bergantung pada wajah tetapi pada nilai anda di mata Tuhan. Dia melihat potensi dalam kehidupan anda dan menolong anda menjadi dewasa dengan keyakinan diri dan menjadi orang yang dikehendaki-Nya.



Aktiviti

Bersama **Aku Tidak Layak Bergaul Dengan Mereka**

Jessica memalingkan mukanya dari bilik piano yang sedang bergema dengan mainan muzik yang indah. Paulina sedang bermain piano dan Karmila yang bersuara merdu pula sedang menyanyi.

“Mereka sungguh berbakat. Aku juga tidak secantik mereka. Aku tidak layak menjadi teman mereka,” kata Jessica lalu bergegas-gegas ke kelas Tingkatan 2 Mawar.

1. Apakah yang menjadi masalah Jessica?
2. Masalah-masalah lain apakah yang akan muncul?



Renungan Firman Tuhan

Tuhan telah memanggil Samuel untuk pergi dan mengurapi seseorang untuk menggantikan Raja Saulus kerana dia tidak taat.

Jaminan Daud

 Baca 1 Samuel 16:1-13.

1. Bandingkan Daud dengan abang-abangnya yang lebih tua. Apakah kekurangan Daud dibandingkan dengan abang-abangnya?

2. Selidiki sikap Daud sewaktu dia diurapi. Adakah dia bersungguh-sungguh atau mengeluh bahawa dirinya kurang sempurna dan tidak patut dipilih?

3. Apakah yang menjadi rahsia perhubungan Daud dengan Tuhan yang membuat dia begitu berlainan dengan yang lain?

4. Apakah perbezaan pandangan Tuhan dan pandangan orang lain terhadap Daud?

Rahsia Daud

 Baca 1 Samuel 17:34-37

Bagaimanakah Daud mendewasa sebagai orang yang menjadi begitu yakin terhadap diri sendiri sehingga dia boleh berubah daripada seorang gembala menjadi seorang raja?

Jawapan Daud

 Baca 1 Samuel 17:41-47

1. Adakah Daud merungut atau melihat kekurangannya sewaktu dia diperhadapkan situasi sulit?

2. Apakah yang menyebabkan Daud begitu berani sehingga dia boleh melawan Goliat padahal dia hanyalah seorang gembala?

Jawapan Anda

Jangan hanya melihat kepada diri sendiri dan merasa takut dan kecewa. Belajarlah sesuatu daripada rahsia Daud.

1. Kenallah Tuhan anda dan kasih-Nya
2. Rasalah jaminan dalam-Nya, dan sedari bahawa Tuhan adalah sumber kekuatan dan keyakinan anda. Anda tidak perlu kuat, cantik, berbakat atau pandai untuk menghadapi raksasa dalam kehidupan anda.

Bertindak beranilah apabila Tuhan memberi anda cabaran-cabaran atau raksasa dalam kehidupan anda. Dia akan menolong anda untuk mendapatkan keyakinan diri sehingga anda memekar dan memenuhi rancangan-Nya bagi diri-Mu.



Renungan Peribadi

Apabila Daud berdiri di samping abang-abangnya, dia kelihatan seperti bukan pilihan terbaik untuk seorang raja. Dia tidak mempunyai banyak otot dan dia bukan yang terpenting dalam keluarganya.

Adakah anda juga berasa demikian? Tidak menawan, tidak berbakat, dan tidak terkenal? Apabila anda melihat diri anda pada cermin, apakah ada bahagian-bahagian tertentu pada tubuh dan wajah anda yang anda tidak sukai? Anda merasa malu akannya?

Lain kali, sewaktu anda menatap cermin, berkatalah kepada diri sendiri dengan lantang: Tuhan tidak hanya tertarik dengan wajah saya sahaja. Selidiki diri anda: apakah anda rasa kurang yakin akan diri anda. Tuliskan. _____


Sudahkah anda meminta pertolongan daripada Tuhan? Bagaimanakah anda ingin Tuhan menolong anda? Fikirkan 'Goliat' dalam kehidupan anda dan apa yang ingin anda lakukan? Kalau anda tidak yakin, berdoa terlebih dahulu sebelum anda menuliskan.



Doa

Berdoa atas kelemahan-kelemahan anda dan minta pertolongan Tuhan sewaktu mendewasa.

Tuhan Mencipta Lelaki dan Perempuan





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah marahi orang yang lebih tua daripadamu, tetapi hendaklah engkau bercakap kepadanya seolah-olah dia bapamu. Perlakukanlah orang muda seperti saudaramu.” (1 Timotius 5:1b-2)



Kata-kata Mutiara

Tuhan memanggil orang-orang muda yang sedang mendewasa untuk memupuk teman-teman yang berlawanan jenis sebagai kawan atau saudara- saudari seiman dalam Kristus.



Aktiviti Ikatan Bersama

Semua remaja yang meningkat dewasa akan merasa tertarik dengan kawan-kawan yang berlawanan jenis dan anda mungkin sedang mengalami daya tarikan ini. Ini adalah sebahagian dari proses pertumbuhan yang alamiah untuk seorang remaja kerana proses ini akan menolong anda menjalin perhubungan dengan kawan-kawan yang berlawanan jenis. Inilah cara alamiah untuk menyiapkan anda menjalin perhubungan perkahwinan kelak.

Tujuan muktamad Tuhan mencipta lelaki dan perempuan ialah supaya mereka memperoleh satu perhubungan yang berkekalan dan menyenangkan di antara mereka.

Namun, perhubungan mesti bermula dengan betul dan pada waktu yang tepat. Kalau tidak, tali perhubungan akan menjadi kusut dan rumit untuk diregangkan.



Kawan Atau Musuh-Undi Pendapat

Apakah pandangan anda terhadap kawan-kawan dari jantina yang berlawanan jenis? Adakah anda mendapati mereka comel atau anda menganggap mereka seperti berasal dari planet yang lain? Jawab soalan yang berikut ini dengan sejujur mungkin.

1. Apakah pandangan anda terhadap kawan-kawan dari jantina yang berlainan daripada anda? Tandakan perasaan anda:

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Comel | <input type="checkbox"/> Menyampah Saja |
| <input type="checkbox"/> Seronok | <input type="checkbox"/> Suka berlagak |
| <input type="checkbox"/> Sungguh baik | <input type="checkbox"/> Terlalu banyak cakap |
| <input type="checkbox"/> Sangat pandai | <input type="checkbox"/> Sangat bodoh |
| <input type="checkbox"/> Mudah dibawa bersembang | <input type="checkbox"/> Tidak terlalu ramah |
| <input type="checkbox"/> Suka menolong | <input type="checkbox"/> Mementingkan diri |
| <input type="checkbox"/> Sopan | <input type="checkbox"/> Suka menguasai orang |
| <input type="checkbox"/> Dewasa | <input type="checkbox"/> Kebudak-budakan |
| <input type="checkbox"/> Menawan | <input type="checkbox"/> Membosankan |
| <input type="checkbox"/> Yang lain _____ | |

2. Adakah anda lebih suka mempunyai teman yang sejenis atau yang berlawanan jenis sebagai kawan baik anda?

Tentu sahaja _____

3. Apakah respon anda jika ada seorang kawan yang berlawanan jenis ingin berkawan dengan anda? Tandakah jawapan anda.

- | | |
|--|--|
| <input type="checkbox"/> Jangan harap! | <input type="checkbox"/> Merasa tersanjung |
| <input type="checkbox"/> Tidak berminat | <input type="checkbox"/> Tidak apa, boleh saja |
| <input type="checkbox"/> Sangat berminat | <input type="checkbox"/> _____ |

4. Apakah pandangan anda terhadap kawan-kawan berlawanan jenis. Bersikap jujur sahaja tetapi jangan keterlaluan. Bulatkan nombor dalam skala di bawah ini.

Membosankan 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 Sungguh menawan

Tidak ramah 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 Sungguh hebat

Penakut/pemalu 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 Banyak cakap

Kebudak-budakan 0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 Sangat dewasa



Renungan Firman Tuhan

A. Baca 1 Timotius 5:1-2.

1. Bagaimana kita harus bersikap terhadap orang yang lebih tua daripada kita? _____

2. Bagaimana kita harus bersikap terhadap orang yang lebih muda daripada kita? _____

3. Bagaimana pula dengan perempuan yang lebih tua dan muda daripada kita? _____

4. Bagaimana kita harus menganggap lelaki dan perempuan dalam persekutuan kita? _____

B. Baca 1 Yohanes 4:7-12.

1. Jenis kasih yang bagaimanakah Allah mahu kita tunjukkan kepada sesama? _____
2. Kenapa kita harus menunjukkan kasih yang sejati terhadap sesama? _____
3. Bagaimanakah kita dapat buktikan Allah tetap di dalam diri kita? _____

C. Baca Ibrani 10:24.

Hal-hal apakah yang harus kita dorongkan dalam persekutuan belia kita?



Doa

Dalam kelompok kecil berempat, berdoa agar Tuhan menolong kita menjalin persahabatan yang baik dan saling mengasihi. Galakkan satu sama lain untuk lebih giat melayani Tuhan.

Santapan Minda

Kaunselor Gary Smalley menyatakan, "Teman-teman sebaya para remaja dapat menolong memuaskan keinginan mereka untuk persahabatan dan kebahagiaan, di samping menerima sokongan emosi, pengertian dan keakraban."

Jatuh Cinta





Ayat Mas Alkitab

“Sesiapa yang mengasihi orang lain, sabar dan baik hati; dia tidak iri hati, tidak bercakap besar, dan tidak sombong.”
(1 Korintus 13:4)



Kata-kata Mutiara

Jatuh cinta pada waktu remaja adalah cinta monyet atau cinta sementara bukan cinta sejati.



Aktiviti Bersama Apa Itu Jatuh Cinta?

Tulis Benar (B) atau Salah (S) untuk berikut:

- 1. Cinta sejati itu terjadi pantas seperti kilat. ()
- 2. Cinta sejati itu biasanya lebih mementingkan rupa sahaja. ()
- 3. Dalam cinta sejati kita mungkin jatuh cinta dengan beberapa orang pada waktu yang sama. ()
- 4. Cinta bererti hati kita berdebar-debar. ()
- 5. Cinta monyet terjadi seperti kilat dan lenyap seperti asap. ()
- 6. Cinta sejati mengambil waktu untuk dipupuk. ()
- 7. Cinta sejati akan bertahan dan teruji oleh edaran waktu. ()
- 8. Cinta murni menghormati orang yang dikasihi. ()
- 9. Jatuh cinta itu sebahagian dalam proses pertumbuhan kita. ()
- 10. Pada peringkat umur sekarang, anda lebih baik memupuk persahabatan baik sahaja. ()



Renungan Firman Tuhan

Baca 1 Korintus 13:4-7. Bincangkan kenapa cinta yang benar boleh bertahan?



Renungan Peribadi

Seorang gadis remaja telah menulis surat kepada seorang kaunselor tentang ketakutannya sewaktu jatuh cinta. Bagaimanakah anda dapat menasihatinya?

Sara yang dikasihi,

Aku sungguh-sungguh jatuh cinta dengan **X** buat pertama kali. Kami berjumpa setiap hari dan saling merindui kalau kami tidak bertemu.

Tetapi aku sungguh gelisah dan khuatir kerana dia mungkin tidak taat kepada aku. Dia mendapat keputusan PMR yang cemerlang dan mungkin akan masuk ke sekolah berasrama di bandar lain.

Apakah yang akan terjadi kalau dia menjadi bosan denganku dan lupa akan diriku apabila dia berada di sana? Bagaimana kalau dia bertemu dengan orang lain sewaktu dia berada di sana?

Fikir sejenak... kita banyak melihat contoh-contoh orang yang terburu-buru dalam hal percintaan. Ada yang terpaksa berkahwin di usia yang sangat dini (muda); tidak kurang juga yang terpaksa tukar agama dan kemudian terperangkap dengan putaran perkahwinan yang tidak bahagia. Renungkan apa yang ditulis di bawah ini:

“Jangan biarkan masa depan dan nyawa anda terbinasa dengan memilih jodoh yang salah. Jangan terburu-buru dalam hal cinta. Cari suami atau isteri yang takut akan Tuhan dan yang mengakui bahawa Tuhan Yesus adalah Penebusnya.

Mereka yang sudah tersilap langkah sering kali akan menyedari diri bahawa mereka sudah terperangkap dalam satu budaya yang tidak menguntungkan kaum perempuan, dan pasangan hidup mereka tidak percaya mereka satu-satunya isteri yang sah dan yang telah ditentukan oleh Tuhan. Selain itu, mereka menghadapi begitu banyak penganiayaan ketika mereka mahu kembali untuk mengasihi Tuhan Yesus lagi!

Para remaja mesti elakkan diri daripada jatuh cinta dengan orang yang bukan seiman dan menunggu sehingga lebih dewasa untuk memilih jodoh yang seiman dan yang mengasihi Tuhan.”

Santapan Minda

“Ketika anda jatuh cinta monyet dengan seseorang, anda menipu diri sendiri dengan percaya bahawa anda sudah jatuh cinta dengan begitu mendalam, sehingga semua impian berkisar di sekelilingnya. Anda percaya anda sudah siap menyangkal sikap mementingkan diri demi kesejahteraan orang itu. Kemudian, pada suatu pagi anda bangun dan mendapati perasaan ini telah hilang seperti asap pada waktu malam. Apalagi, anda mendapati diri anda terperangkap dalam perasaan yang hampir sama untuk orang lain.”


~ Joyce Hugget, seorang pengarang



Doa

Akhiri sesi ini dengan doa bersama.

Bila Saya Boleh Berpacaran?





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah ikut kebiasaan dunia, tetapi biarlah Allah membaharui cara kamu berfikir, sehingga kamu dapat mengetahui kehendak Allah-iaitu yang baik dan yang menyenangkan hati-Nya, serta yang sempurna.” (Roma 12:2)



Kata-kata Mutiara

Waktu remaja bukan waktu untuk berpacaran atau menjalin perhubungan istimewa dengan kawan-kawan yang berlawanan jenis.



Aktiviti Bersama

Apakah Pendapat Anda?

Dalam kelompok empat atau lima orang (lebih baik lelaki dengan lelaki; dan perempuan dengan perempuan), bincangkan soalan di bawah ini dan catatkan jawapan yang anda semua setuju.

1. Pada umur berapakah anda boleh berpacaran?

<input type="checkbox"/> Darjah 5-6	<input type="checkbox"/> Tingkatan enam (18-19)
<input type="checkbox"/> Tingkatan 1-3	<input type="checkbox"/> Tingkatan 4-5
<input type="checkbox"/> Universiti	<input type="checkbox"/> Hanya sewaktu bekerja
2. Pada umur berapakah anda boleh mempunyai seorang teman lelaki atau teman wanita yang istimewa?

<input type="checkbox"/> Darjah 5-6	<input type="checkbox"/> Tingkatan enam (18-19)
<input type="checkbox"/> Tingkatan 1-3	<input type="checkbox"/> Universiti
<input type="checkbox"/> Tingkatan 4-5	<input type="checkbox"/> Hanya apabila bekerja
3. Bolehkah anda berpegangan tangan kalau anda keluar dengan seseorang?
4. Menurut pendapat anda, adakah keluar dalam kelompok lebih baik atau keluar berduaan?
5. Bilakah anda boleh bercium?

<input type="checkbox"/> Perjumpaan pertama
<input type="checkbox"/> Setelah perjumpaan pertama
<input type="checkbox"/> Bila anda sudah bertunangan
<input type="checkbox"/> Bila anda sudah kahwin
<input type="checkbox"/> Apabila dia sudah menjadi istimewa
<input type="checkbox"/> Lain-Lain _____

Bincangkan “Adakah ini Cinta?” dari kes-kes ini. Apakah yang perlu dibuat oleh mereka?

Kes 1

Setiap kali Miriam menutup matanya...dia melihat mentari menyinari rambutnya...tidak ada kilat namun dia terdengar guntur. Dia menanyakan dirinya kenapa? Adakah ini cinta Miriam berkata kepada diri sendiri.

Kes 2

Jim merasa tertarik dengan teman kelasnya. Dia berkata kepada diri sendiri, “Cinta adalah seperti A,B,C. Kalau saya berusaha mengajar seorang bayi tentang A,B,C, tentu bayi itu tidak faham. Aku hanya 17 tahun...belumhlah waktu memahami apa itu cinta!

Kes 3

Teman Ah Kong menertawakannya, “Anda bukan jatuh cinta tetapi anda jatuh cinta dengan cinta.” Ah Kong berkata dia sudah jatuh cinta dengan seorang gadis di sekolahnya namun tidak mengetahui namanya. Dia ingin sekali berkata, “Hello, I love you but I don’t really know your name!”

Kes 4

Sally tidak tahu adakah dia jatuh cinta. Sejak kecil, dia menonton Snow White dan Cinderella dan dia mengidamkan “Putera Idaman.” Albert yang disukai oleh ramai kawannya juga diharapkan dapat jadi “Prince Charm-ingnya.”



Renungan Firman Tuhan

1. Baca Kejadian 34:1-4. Patutkah Sihem menurut keinginan nafsunya?

2. Baca 2 Samuel 13:1-2, 7-15. Pelajaran apakah yang boleh anda dapat daripada petikan ini?

3. Apakah prinsip Alkitab yang boleh anda pelajari daripada Pengkhotbah 3:1?



Renungan Peribadi

Untuk Diariku

Anda mempunyai sebuah diari. Anda biasanya akan menulis segala hal peribadi anda di dalam diari ini — perkara-perkara yang anda telah pelajari, rahsia pemikiran anda, dan banyak lagi. Apa yang anda dengar hari ini mengenai berpacaran telah mencetuskan beberapa gagasan pemikiran. Catatkan buah fikiran anda mengenai apa yang anda telah pelajari dan apa yang akan anda lakukan.

Tarikh _____

Diariku,

Kami telah menghadiri satu sesi yang cukup menarik pada hari ini. Topiknya bukan calang-calang: mengenai waktu yang tepat untuk berpacaran! Saya telah belajar beberapa perkara pada hari ini. Saya belajar bahawa:


Setelah hari ini, saya berpendapat saya akan hanya berpacaran bila:



Doa

Akhiri sesi ini dengan berdoa bersama.

Perkataan 4 Huruf: Seks





Ayat Mas Alkitab Ayat Mas

“Yesus menjawab, “Belumkah kamu baca ayat Alkitab yang mengatakan bahawa pada mulanya Allah menjadikan lelaki dan perempuan? Kemudian Allah berfirman, 'Itulah sebabnya seorang lelaki meninggalkan ibu bapanya dan bersatu dengan isterinya, lalu kedua-duanya menjadi satu. Dengan demikian mereka bukan lagi dua orang, tetapi satu. Oleh itu mereka yang telah disatukan oleh Allah, tidak boleh dipisahkan oleh manusia.’” (Matius 19:4-6)



Kata-kata Mutiara

Sikap terhadap seks pada hari ini bertentangan dengan tujuan asal seks yang diciptakan oleh Tuhan sebagai pemberian untuk perhubungan perkahwinan.



Aktiviti Bersama Mari Kita Mendengar Pendapat Anda

(Lihat Panduan Pembimbing)

Seks: Perkataan 4 Huruf yang Menarik Perhatian Semua Orang

Adakah perkataan 4 huruf ini menaikkan naluri ingin tahu anda? Kalau jawapan anda “tidak”, anda mungkin seorang remaja yang berasal daripada planet lain kerana anda tidak berminat terhadap topik ini. Apakah yang mempengaruhi pandangan anda tentang seks? Dalam jadual yang telah disediakan, tuliskan dari 1 hingga ke 13. Nombor 1 bererti yang paling mempengaruhi dan yang 13 paling tidak/kurang mempengaruhi.

- | | | |
|-------------------------|-------------|--------------|
| Ibu Bapa | Filem-Filem | |
| Persatuan Pemuda Pemuda | | |
| Gereja | Laman Web | Adik Beradik |
| Guru-Guru | Muzik | |
| Kawan-Kawan | Alkitab | Televisyen |
| Buku-Buku | Majalah | |

1.	8.
2.	9.
3.	10.
4.	11.
5.	12.
6.	13.
7.	



Renungan Firman Tuhan

Cerita Tuhan Tentang Seks

Kalau anda ingin memahami seks dan segala mengenainya, anda perlu mencari sumber asalnya. Maklumat asalnya boleh diperolehi dari Alkitab. Semua informasi dari sumber-sumber lain hanya sumber yang kedua...dan kadangkala tidak tepat atau baik.

Jadi, kenapakah anda tidak menyelidiki Alkitab dan melihat apa yang dikatakannya?

1. Bagaimanakah ia bermula? (Kejadian 2:18)

2. Seks itu disediakan untuk siapa? (Matius 19:4-5)

3. Apakah tujuan yang sebenarnya? (Matius 19:6)

4. Siapa yang boleh terlibat dalamnya?

Santapan Minda

“Selain daripada kesan-kesan jasmani, masalah-masalah psikologi dan perhubungan juga akan menyusul setelah satu perhubungan seks di luar pernikahan berlaku, seperti rasa bersalah, tekanan emosional, perhubungan yang retak, kebencian terhadap sendiri, ketagihan seks dan kebelengguan aspek rohani.”

~ Josh McDowell & Bob Hostetler

“Remaja yang menjalin perhubungan seks sebelum pernikahan mungkin akan hamil dan kehamilan ini mungkin akan mendesak mereka untuk berkahwin dengan teman yang bukan seiman. Kadangkala mereka terpaksa berkahwin kerana sudah terlanjur. Taktik “Cinta Kilat” juga disedari oleh Gereja tentang adanya satu perancangan sulit untuk mengahwinkan mereka. Apabila mereka sudah tukar agama, kehidupan mereka mula menjadi sulit kerana perbezaan budaya dan prinsip-prinsip agama. Dalam undang-undang tertentu, mereka yang sudah pindah agama tidak mungkin dapat mengubah kembali ke agama asal mereka.”

~Tan Hwee Yong



Curah Pendapat

1. Kadangkala pemuda-pemudi memberi alasan mengapa mereka harus menjalin perhubungan seks. Bolehkah anda dan kawan-kawan dalam kumpulan anda menolong mereka dan memberi penjelasan yang tepat? Di bawah adalah beberapa pernyataan yang anda mesti menjawab dengan tepat.

Alasan	Jawapan Anda
1. Banyak remaja mengadakan perhubungan intim, kenapa saya tidak boleh?	
2. Teman lelaki saya akan tinggalkan saya kalau saya tidak mahu perhubungan seks dengannya.	

Alasan	Jawapan Anda
3. Kalau saya mengadakan seks, ini bererti saya lebih mencintai orang itu dan perhubungan kami lebih terjamin.	
4. Kalau kami tidak ada seks, bagaimana mungkin kita tahu kita dapat berfungsi dalam hal seks kelak?	
5. Kalau saya tidak melakukannya, teman-teman saya akan mengatakan bahawa saya kolot dan ketinggalan zaman.	
6. Kalau saya tidak mengikut teman-teman lain yang melakukannya, saya mungkin tidak akan diterima mereka kerana mereka akan menganggap saya aneh.	
7. Kami yakin kami akan berkahwin satu hari kerana kami setia.	

2. Dapatkah anda bayangkan kesan-kesan seks sebelum pernikahan?

Rohani	Jasmani	Emosi	Mental

 **Bacaan Tambahan**

Petikan ini diambil dari buku *“Take My Life”* oleh Michael Griffiths.

Setiap lelaki dan wanita mempunyai kemampuan dalam dirinya untuk membentuk satu keluarga. Di sinilah letaknya peti pualam berisi minyak wangi yang menanti untuk dibuka dan dituangkan isinya yang harum itu. Di sini juga terletak kemampuannya untuk mendatangkan keburukan dan dukacita kerana minyak itu juga dapat hilang semerbaknya kalau digunakan dengan sembarangan atau hanya untuk mencuba-cuba. Seringkali isinya disia-siakan dengan percubaan yang tidak bertanggungjawab. Kita terburu-buru ingin mencubanya, sekarang juga dan setidak-tidak untuk melihat adakah ia akan berjaya atau tidak.

Sebuah dongeng Jepun mengisahkan tentang satu peti yang tidak boleh dibuka. Pada suatu hari, seorang nelayan berjasa terhadap seekor penyus. Untuk membalas budinya, dia diizinkan mengunjungi sebuah istana Naga Sakti, yang terletak di dasar laut. Setelah diundang ke jamuan yang mewah selama beberapa hari, nelayan itu meminta izin untuk pulang. Dia dihadiahkan dengan sebuah peti kecil dengan syarat peti itu tidak boleh dibuka sehingga saat yang ditentukan.

Setiba di kampung halamannya, dia baru mengetahui bahawa rumahnya telah hilang dan penduduk yang pernah dikenali sudah meninggal dunia. Dia lupa akan syarat itu, apabila kesepian mencengkam dia membuka peti itu. Segumpalan asap putih keluar dan pada saat itu juga dia berubah menjadi seorang yang amat tua dan berkeriput. Kita berasa sedih apabila membayangkan kekosongan dan kesepian yang terpaksa dihadapi oleh nelayan itu tatkala dia duduk di persisiran pantai dan menantikan ajalnya. Dalam sekelip mata saja kemudaannya hilang untuk selama-lamanya.

Secara lansung huraian kita tentang kasih antara lelaki dan wanita tidak ada kaitan dengan dongeng ini. Tetapi dalam erti tertentu kasih seksual mempunyai kesamaan dengan peti yang termeterai: “Dilarang membukanya sebelum hari perkahwinan anda.” Namun pada saat sepi, kita sering berasa tergoda untuk membuka peti itu.

Adakah saya menyenangkan hati Tuhan dengan cara saya mengendalikan kasih seksual yang dikaruniakan kepada saya? Sediakah saya memberi khazanah yang berharga itu dalam tangan-Nya hingga saat ditentukan-Nya bagi saya?

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Tolong! Aku Sedang Berubah



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan menolong para pelajar untuk :

1. Mengenalpasti perubahan-perubahan yang dialami mereka sewaktu melangkah ke akil baligh.
2. Memahami perubahan yang terjadi kepada tubuh mereka secara alamiah.
3. Mendedikasi diri mereka untuk bertumbuh secara rohani pada zaman peralihan ini.



Pencetus Minat

Lakonan bersahaja ini menggambarkan perubahan-perubahan jasmani dan perasaan yang dialami apabila seseorang mengalami akil baligh. Lakonan ini lebih baik dilakankan oleh seorang lelaki kerana perubahan mereka lebih ketara dan lebih mudah dilakankan.

1. Pilihlah seorang lelaki yang berani dan suka berada di depan. Beritahu dia terlebih dahulu agar dia dapat memikirkan gerak-geri yang akan dilakankan.
2. Suruh dia berlagak seperti seorang remaja Malaysia yang “cool.” Sebenarnya arus-arus keremajaan bergejolak dalam batinnya. Sekarang rakan-rakan akan melihat apa yang sedang dilakukannya dalam biliknya dan cabaran yang dihadapinya. Kita akan meneka apa yang dilakukannya.
3. Di bawah ada beberapa cadangan untuk lakonan bersahaja itu:
 - a. Suruh dia berpura-pura menyikat rambutnya dan sewaktu dia menyikat rambut dan melihat diri dalam cermin, dia terperanjat kerana mukanya mula berjerawat.
 - b. Suruh dia melihat wajahnya dalam cermin lagi dan merasa terkejut dengan misai yang bertumbuh dan juga bulu-bulu di ketiak!
 - c. Sewaktu dia mahu menyanyi. dia terkejut kerana suaranya begitu garau.



Aktiviti Bersama

Senarai Akil Baligh

Setelah mereka meneka gerak geri lakonan itu, jelaskan kepada mereka bahawa ini adalah perubahan-perubahan yang akan dialami oleh semua lelaki pada waktu akil baligh. Lelaki dan perempuan tidak dikecualikan dari peralihan ini. Bahagikan mereka kepada kelompok lelaki dan perempuan untuk mengisi kertas kerja senarai akil baligh.

Lelaki akan mengalami:

- a. Pertumbuhan pesat yang menyebabkan mereka menjadi tinggi dan kurus. Mereka akan merasa aneh dan canggung.
- b. Perubahan dari segi bentuk tubuh secara menyeluruh seperti pinggul yang lebih kecil dan bahu yang melebar.
- c. Jerawat mula tumbuh
- d. Janggut dan misai mula tumbuh
- e. Suara menjadi garau
- f. Zakar dan buah zakar membesar
- g. Pengeluaran air mani semasa tidur yang diakibatkan oleh mimpi yang mengghairahkan. Ini dikenali sebagai 'wet dream' dalam Bahasa Inggeris

Perempuan akan mengalami:

- a. Pertumbuhan pesat yang menyebabkan mereka merasa janggal kerana mereka biasanya menjadi lebih tinggi daripada lelaki dalam kelas.
- b. Segi bentuk tubuh mereka akan menjadi lebih gempal dengan tambahan lemak pada pinggul dan paha.
- c. Jerawat tumbuh di muka.
- d. Bulu akan tumbuh di bawah ketiak dan di bahagian ari-ari.
- e. Buah dada mula membesar.
- f. Suara akan berubah dari suara keanak-anakan kepada suara yang lebih matang
- g. Mula didatangi haid



Penjelasan Tentang Perubahan

Jelaskan bahawa selain daripada perubahan jasmani, mereka akan mengalami perubahan-perubahan yang lain.

1. Perubahan jasmani yang tertentu akan membuat kita merasa berlainan dan terlalu peka terhadap diri sendiri. Jangan khawatir. Semua teman anda juga sedang mengalami proses yang sama seperti anda.
2. Anda akan mengalami perubahan emosi juga. Kadangkala anda akan merasa lebih letih daripada biasa dan mudah tersinggung, (perubahan hormon anda mungkin akan menyebabkan anda merasa demikian)
3. Anda mungkin merasa anda lebih cenderung memberontak



Renungan Firman Tuhan

1. Suruh mereka mencari jawapan dari Alkitab
2. Berikan rumusan prinsip-prinsip pokok dari pengajian Alkitab.
 - A. Anda tidak perlu menjadi seorang dewasa atau sempurna secara jasmani sebelum anda mengenal dan mengasihi Tuhan. Tuhan rindu mengajar orang muda untuk mengenal Dia. Jika anda rela, Dia dapat memakai anda sewaktu anda membesar.
 - B. Anda tidak dapat melakukan apa-apa mengenai perubahan jasmani dan pertumbuhan anda. Tetapi seperti Samuel, anda boleh melakukan sesuatu untuk pertumbuhan rohani anda. Pertumbuhan rohani tidak terjadi secara mendadak sahaja tetapi anda mesti mengambil waktu untuk bersama Tuhan. Anda perlu selalu mendengar kepada Dia dan mentaati-Nya, bertumbuh dalam hadirat-Nya dan berkat-Nya. Jika anda berbuat demikian, anda akan memenuhi rancangan Tuhan dalam kehidupan anda.
 - C. Cabar semua pelajar untuk memenuhi rancangan Tuhan yang hebat sewaktu mereka memasuki alam dewasa. Samuel bertumbuh dalam kehidupan rohaninya sejak muda lagi. Sewaktu mereka menjawab bahagian Bertumbuh Selalu, cabar mereka untuk lebih serius sewaktu menjawabnya.



Doa

Minta setiap orang mencari seorang teman (sama jantina), doakan temannya dengan meletakkan tangan pada bahunya. Setelah itu temannya pula yang akan berdoa untuknya.

Sesi 2: Pertanyaan yang Setiap Orang Ingin Tahu

Sesi ini dirancang untuk memberi peluang kepada mereka untuk menanyakan pertanyaan dan masalah-masalah mengenai perubahan akil baligh. Untuk sesi ini lelaki dan perempuan akan dipisahkan dalam kelompok yang berbeza dan kalau boleh, dua kelompok ini dipimpin oleh dua pembimbing. (Pembimbing lelaki untuk kelompok lelaki; dan pembimbing perempuan untuk kelompok perempuan.)

Subjek perbincangan ini agak khusus dan berpusat pada pertumbuhan manusia dan seksualiti mereka. Anda mungkin mahu mengundang seorang pakar untuk menjawab soalan mereka.



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa lelaki dan perempuan akan mengalami perubahan yang berbeza kerana Tuhan telah menciptakan mereka berlainan.
2. Mereka mesti digalakkan lebih terbuka dalam pertanyaan mereka agar mereka memahami apa yang terjadi kepada diri mereka.
3. Memahami bahawa mereka boleh meminta pertolongan dari Tuhan dan orang dewasa sewaktu mereka melalui perubahan ini.



Pencetus Minat

1. Lukiskan satu lingkaran yang besar di lantai dan kemudian tampalkan kertas-kertas di lantai.
2. Minta mereka masuk ke lingkaran itu tetapi jangan berdiri di atas kertas-kertas itu.
3. Setiap kali anda bercakap sesuatu mereka mesti bergerak tanpa melihat ke bawah. Sesiapa yang terpijak kertas itu akan dikeluarkan daripada permainan kerana sudah masuk ke alam akil baligh.
4. Tanyakan soalan-soalan yang berkaitan dengan akil baligh yang terjadi kepada lelaki dan wanita. Contohnya:
 - a. Sesiapa yang bertambah tinggi 5cm sejak sebulan yang lalu bergerak satu langkah ke hadapan.
 - b. Lompatlah tiga kali ke hadapan kalau suara anda garau.
 - c. Undur lima kali ke belakang kalau jerawat mula tumbuh di muka anda.

Berilah hadiah kepada pemenang.



Renungan Firman Tuhan

1. Sewaktu permainan, anda perhatikan bahawa lelaki dan perempuan diciptakan berlainan. Proses pertumbuhan memang berlainan dan kita harus menerima perbezaan ini sebagai sesuatu yang alamiah.
2. Kita tidak boleh mengejek seseorang kerana perubahan-perubahan ini. (Baca Kejadian 1:27)
3. Baca Kejadian 31:35. Alkitab menceritakan dengan terbuka bahawa Rahael mengalami haidnya kerana ini sebahagian daripada kehidupan seorang wanita. Kita tidak perlu merasa canggung atau malu akannya kerana ia satu proses alamiah.
4. Sekalipun kawan-kawan anda mengejek anda, anda tidak boleh terbawa oleh perkataan mereka kerana anda tahu bahawa anda tidak boleh menjadi serupa dengan dunia yang mementingkan rupa dan hal-hal lahiriah. Allah lebih mementingkan hati dan sikap kita terhadap manusia dan Dia. (Roma 12:2)
5. Kita lebih mementingkan teladan sifat yang baik dan pembawaan serta tingkah laku yang memuliakan nama Tuhan daripada hal-hal lahiriah. (1 Timotius 4:12)
6. Kita perlu menguatkan dan meneguhkan hati kita kerana Tuhan tidak akan meninggalkan kita atau membiarkan kita bersendirian. (Ulangan 31:6)
7. Tuhan akan menyembuhkan orang yang patah hati dan membalut segala luka mereka. (Mazmur 147:3)
8. Kita sedang menghina Allah kerana kita sepatutnya mengucap syukur atas ciptaan-Nya yang ajaib iaitu "Saya."



Aktiviti Bersama

Pertanyaan dan Jawabannya

1. Para lelaki dan perempuan dipisahkan untuk sesi ini.
2. Memperkenalkan tetamu undangan anda untuk berbincangnya.
3. Kalau tidak ada tetamu undangan, anda boleh menyiapkan beberapa jawapan untuk soalan-soalan yang akan ditanyakan.

Pertanyaan-Pertanyaan yang Mungkin Ditanya Perempuan

1. Saya merasa tertekan dengan perubahan yang mendadak. Bolehkah anda menjelaskannya?

Jawapan: Menjelang usia baligh, perubahan fizikal dan psikososial menjadi ketara kerana dipengaruhi hormon estrogen dan progesteron.

2. Mengapakah saiz payudara saya berbeza saiz atau terlalu kecil?
Jawapan: Ini adalah normal kerana ia banyak dipengaruhi oleh genetik dan hormon.

3. Bolehkah anda jelaskan haid?

Jawaban: Kedatangan haid menunjukkan organ reproduktif sudah berfungsi dan bersedia menjadi ibu. Proses ovulasi bererti ovum sudah matang dan keluar dari ovari. Ovum yang tidak disenyawakan akan luruh sebagai haid. Gadis yang mencecah usia 17 tahun mesti mendapatkan rawatan daripada doktor bagi mengetahui punca kelewatan haid.

4. Apakah erti senggugut?

Jawapan: Senggugut itu rasa sakit kerana datang bulan disebabkan pengecutan dinding uterus yang kuat pada hari pertama haid. Biasanya seorang gadis akan berasa lenguh, sakit dan sembab di bahagian perut, letih, muram dan cepat marah. Meningkatkan pengambilan zat besi seperti ikan, daging, sayur-sayuran berdaun hijau kerana zat besi hilang melalui haid.

Pertanyaan-Pertanyaan yang Mungkin Ditanya Lelaki

1. Apa itu mimpi ghairah?

Jawapan: Bahasa Inggeris dipanggil “nocturnal emission” kerana ia berkaitan dengan pengeluaran sperma akibat mimpi seks yang ghairah. Jangan khuatir anda tidak mengalami kelainan jiwa kerana ini sebahagian dari pertumbuhan.

2. Kenapakah suara semakin garau?

Jawapan: Sewaktu anda mendewasa petak suara yang wujud dalam lelaki dan perempuan semakin membesar namun ia sangat ketara pada lelaki. Hormon menyebabkan ia membesar dan merendahkan nada suara.



Doa

Jangan lupa untuk tutup sesi ini dengan doa.

Sesi 3: Bangga Dengan Diri Sendiri



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan menolong para remaja untuk:

1. Memahami bahawa Tuhan mencipta mereka dan mengasihi mereka secara peribadi seperti apa yang adanya
2. Memahami bahawa identiti dan nilai diri mereka tidak didasarkan pada keperibadian mahupun kejayaan mereka, tetapi berdasarkan fakta bahawa mereka dikasihi secara individu dan bernilai di mata Tuhan.
3. Mengambil langkah untuk meyakinkan diri mereka bahawa mereka penting dan istimewa di mata Tuhan
- 4.



Aktiviti Bersama Mintalah

(Berbincang dengan anggota kelompok mengenai perubahan yang diinginkan oleh mereka)

- a. Kita mempunyai impian rahsia untuk memiliki rupa yang lebih cantik atau kacak kerana terselindung di lubuk hati kita ada banyak yang kita tidak sukai mengenai diri kita.
- b. Kita selalu membanding diri kita dengan apa yang kita lihat di dunia ini dan sedihnya, kita hanya melihat kekurangan sendiri.
- c. Dunia mengukur kepentingan kita melalui empat perkara: kecantikan jasmani, kepandaian, kekayaan, dan bakat kita.



Renungan Firman Tuhan

1. Dia mencipta anda sebelum anda dilahirkan di dunia.
2. Anda diciptakan begitu ajaib dan sempurna. Anda tidak terjadi secara kebetulan. Tuhan telah mencipta anda menurut cara yang diinginkan-Nya.
3. Dia mengasihi anda tanpa bersyarat.
4. Halverson berkata, "Anda tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyebabkan Tuhan lebih mengasihi anda, atau sebaliknya anda tidak dapat berbuat sesuatu untuk mengurangi kasih-Nya. Kasih-Nya diberikan kepada anda tanpa syarat, adil, abadi, dan sempurna."

5. Anda sungguh berharga kepada-Nya sehingga setiap rambut anda telah dihitung dan anda terukir pada tapak tangan-Nya.
6. Anda tidak boleh memakai nilai atau ukuran dunia untuk menilai diri anda sendiri. Anda harus menilai dan menerima Tuhan menurut cara Dia menerima anda. Anda harus selalu mengingatkan diri sendiri bahawa Tuhan sangat mengasihi anda dan anda sangat istimewa di hadirat-Nya.



Doa

Pimpin mereka untuk bersyukur kepada Tuhan kerana Dia menebus kita semua dengan nyawa-Nya dan menganggap anda dan saya cukup berharga.

Sesi 4: Cermin, Cermin di Dinding



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa imej diri yang positif tidak bergantung pada hal-hal lahiriah.
2. Memahami bahawa Tuhan berada dalam proses menolong kita semua untuk merasa lebih yakin pada diri sendiri semakin kita mengasihi-Nya dan mencari jaminan daripada-Nya.
3. Menetapkan sasaran untuk bertumbuh dalam salah satu bahagian kehidupan mereka yang mereka merasa kurang yakin.



Pencetus Minat

Pilih aktiviti yang anda suka untuk mencetus minat kumpulan anda.

Aktiviti Pertama

1. Menyuruh mereka berjalan seperti pragawati –anda berfikir anda mesti cantik untuk merasa cantik.
2. Pegang kad repot yang mempunyai semua A-anda merasa tidak berguna kalau anda tidak pandai.
3. Tunjukkan atau pakai pakaian berjenama-anda merasa kawan anda akan lebih menghargai anda kalau anda lebih kaya.
4. Tunjukkan penyanyi terkenal atau bermain gitar-anda merasa anda mesti berbakat supaya lebih dihargai orang.

Aktiviti Kedua

1. Beri sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap orang, Suruh mereka menulis apa yang mereka suka mengenai diri sendiri dan apa yang mereka tidak suka mengenai diri sendiri.
2. Catatkan apa yang mereka suka dengan rupa dan watak diri sendiri.
3. Tanyakan semua orang senarai manakah yang lebih panjang.

Aktiviti Ketiga

Permainan teka teki lakonan bersahaja

1. Kumpulkan bahan-bahan seperti gel rambut, bedak, gincu, minyak wangi, pil menguruskan badan.
2. Bahagikan kumpulan kamu kepada beberapa kelompok. Minta mereka memilih nama-nama untuk kelompok mereka dan memberi

- mereka giliran untuk berlakon.
3. Setiap kelompok mesti memilih seorang pelakon untuk permainan ini.
 4. Minta kelompok-kelompok lain untuk meneka sewaktu pelakon itu sedang berlakon.
 5. Mereka boleh memberi beberapa sukukata dan membuat yang lain meneka kalau mereka merasa terlalu malu untuk berlakon.

Penjelasan Permainan

1. Adakah anda menggunakan bahan-bahan itu dan kenapakah orang menggunakannya?
2. Anda mungkin terlalu peka akan diri sendiri khususnya wajah anda. Rupa anda selalu membuat anda yakin atau kurang yakin terhadap diri sendiri. Kalau anda tidak suka akan wajah anda, anda akan merasa malu dan kekurangan keyakinan diri.
3. Anda akan melihat seseorang dalam Alkitab yang begitu berbeza. Dia tidak membiarkan wajahnya untuk membuat dirinya merasa kurang yakin akan diri sendiri.



Aktiviti Bersama

1. Masalah harga diri
2. Tidak dapat bergaul dengan baik



Renungan Firman Tuhan

Jaminan Daud (1 Samuel 16:1-13)

- a. Daud ialah anak bongsu.
- b. Dia dianggap tidak terlalu penting oleh abang-abangnya.
- c. Tidak tampan atau menarik.

Rahsia Daud (1 Samuel 17:34-37)

- a. Rahsia Daud ialah perhubungannya dengan Tuhan. Dia telah belajar sewaktu dia meluangkan waktu dengan Tuhan ketika menjaga domba, mengasihi Tuhan dan menaruh segala kepercayaan dan jaminannya dalam Tuhan. Dia tahu Tuhan menjadi sumber kekuatan dan kuasanya di luar dugaannya.
- b. Orang lain melihat Daud hanya sebagai seorang gembala tetapi Tuhan melihatnya sebagai seorang raja! Tuhan tahu bahawa

Daud mempunyai potensi menjadi seseorang yang hebat pada masa depan. Dia menolong Daud bertumbuh dalam keyakinannya sehingga dia boleh mengenapi rancangan Tuhan dalam kehidupannya.

Jawapan Daud (1 Samuel 17:41-47)

- a. Dia telah menerima banyak pengalaman sewaktu dia menjadi seorang gembala kerana banyak bahaya mencabar dia sewaktu melindungi domba-dombanya daripada binatang buas, memberi makanan kepada dombanya, mencari domba yang sesat dan sebagainya. Pengalaman-pengalaman ini telah membuat Daud menjadi raja yang berani dan berperhatian terhadap rakyat baginda.
- b. Daud tidak melihat pada diri sendiri atau mengeluh tentang kekurangannya khususnya sewaktu dia menghadapi kesusahan dan ketakutan.
- c. Daud tahu Tuhan akan menyertainya dan dia telah melangkah dengan ketaatan dan melakukan apa yang patut dilakukannya. Tuhan memampukan dia dan menjadikan dia bertumbuh daripada seorang gembala dan kemudian menjadi seorang pemimpin dan raja.

Jawapan Anda

Bagaimana pula dengan jawapan anda?

- a. Mengenal dan mengasihi-Nya.
- b. Merasa terjamin di dalam-Nya serta mengetahui bahawa Dia adalah sumber kekuatan dan keyakinanmu-anda tidak perlu kuat ataupun cantik atau pandai untuk menghadapi dan menakluk semua raksasa dalam kehidupan anda.
- c. Melangkahlah dengan berani apabila Tuhan memberi anda cabaran atau raksasa-raksasa dalam kehidupan anda. Dia akan menyertai anda dan menolong anda mengharunginya. Kemudian, Dia akan perlahan-lahan menolong anda memperoleh keyakinan diri dan mendewasa memenuhi rancangan-Nya bagi kehidupan anda.



Doa

Galakkan mereka untuk berdoa atas segala kelemahan mereka dan minta pertolongan dari Tuhan sewaktu mendewasa ini.

Sesi 5: Tuhan Mencipta Lelaki dan Perempuan



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa mereka mungkin tertarik dengan kawan-kawan yang berlawanan jenis pada tahap kehidupan ini.
2. Belajar bahawa mereka boleh memperlakukan kawan-kawan yang berlawanan jenis sebagai saudara-saudari seiman.
3. Menjadi kawan kepada seseorang yang berlawanan jenis dari persekutuan belia.



Pencetus Minat

Permainan: Ikatan

1. Bahagi kelompok anda kepada lima atau sepuluh orang dan suruh mereka membentuk satu lingkaran.
2. Suruh mereka membentangi tangan kanan mereka dan memegang tangan kanan orang lain (tetapi bukan dengan orang yang berdiri di samping mereka).
3. Mereka kemudian membentangi tangan kiri mereka dan pada waktu yang sama memegang tangan kiri orang lain (tetapi bukan dengan orang yang berdiri di samping mereka).
4. Sekarang minta mereka berusaha merenggang ikatan ini tanpa melepaskan tangan mereka.

Aktiviti ini bertujuan menolong mereka memahami sikap mereka terhadap kawan-kawan mereka. Mereka mesti berhati-hati dalam perhubungan kerana ia boleh menjadi ikatan yang sulit direnggang kemudian.



Aktiviti Bersama Kawan atau Musuh

1. Bahagikan mereka kepada empat atau lima kelompok, lelaki dan perempuan berasingan.
2. Suruh mereka mengisi respon-respon **Kawan Atau Musuh-Undi Pendapat**.
3. Suruh mereka berbincang tentang apa yang sudah ditulis oleh mereka.

Hasil Undi

1. Suruh mereka memilih seorang jurubicara untuk menyampaikan pendapat umum yang dikumpulkan daripada anggota kumpulan mereka.
2. Rumuskan pendapat-pendapat mereka. Pada umumnya, anda akan mendapati pemuda-pemudi ini tergolong dalam dua golongan: Mereka yang tidak suka dengan kawan-kawan yang berlawanan jenis dan yang lain mendapati mereka menawan dan membawa kegembiraan.

Apakah Sebabnya

1. Anda mungkin tertanya-tanya mengapa sesetengah orang tidak berminat terhadap kawan-kawan yang berlawanan jenis sementara yang lain sudah mulai suka akan mereka dan mendapati mereka memberi sukacita.
2. Kita semua melalui tiga tahap perkembangan:

Tahap I—Setiap Orang Temanku

- i. Ini bermula dari tadika hingga ke Darjah Satu dan Tiga.
- ii. Pada tahap ini anda bermain dengan sesiapaupun tanpa menghiraukan sama ada mereka lelaki atau perempuan.
- iii. Pada tahap ini, kawan tetap seorang kawan, dan bukan kawan lelaki atau kawan perempuan.

Tahap II—Tahap Geng/Gerombolan

Tahap ini biasanya dari Darjah Empat hingga ke Tingkatan Satu atau Dua. Kawan-kawan baik biasanya adalah kawan sejenis. Anda menyedari bahawa kawan yang berlawanan jenis berlainan daripada anda tetapi anda tidak berminat kepada mereka-perempuan mendapati lelaki masih kebudak-budakan atau kasar; lelaki juga mendapati perempuan agak mudah tersinggung dan suka mengekek (ketawa tidak bertahan-tahan).

Tahap III- Siapakah Si Dia?

Ini waktu remaja. Tiba-tiba anda sedar akan kawan-kawan berlawanan jenis berada di sekeliling anda dan anda berminat bergaul dengan mereka. Mereka yang meluat kepada anda sekarang menjadi menarik-anda tiba-tiba sangat peka dengan rupa anda dan gerak geri anda ketika bergaul dengan mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Memperlakukan mereka sebagai kawan. (1 Timotius 5:1-2)

- a. Belajar menjadi kawan dengan mereka yang berlawanan jenis.
- b. Nilailah waktu untuk menjadi sahabat yang baik dan belajar daripada sesama.
- c. Ini belum waktunya untuk mencari kawan perempuan atau kawan lelaki istimewa.
- d. Jangan terpengaruh oleh apa yang anda tonton di televisyen, filem-filem dan buku-buku, atau dipengaruhi oleh kawan-kawan.
- e. Alkitab mengajar kita untuk memperlakukan lelaki dan perempuan Kristian sebagai saudara-saudari seiman dengan niat yang baik.

B. Memperlakukan mereka dengan kasih (1 Yohanes 4:7-12)

- a. Suruh seseorang untuk membacanya.
- b. Alkitab memanggil anda untuk saling mengasihi bukan dengan cinta romantik yang berdebar-debar tetapi dengan kasih Tuhan yang sanggup berkorban.
- c. Anda boleh menunjukkan perhatian kepada kawan yang berlawanan jenis sebagai seorang kawan.
- d. Tolonglah mereka bila-bila sahaja bukan kerana mereka kawan istimewa anda tetapi anda ingin menjadi kawan dan menunjukkan kasih Tuhan kepada mereka.

C. Memberi Mereka Galakan (Ibrani 10:24)

- a. Minta seseorang membacanya.
- b. Alkitab mengajar kita untuk saling menggalakkan dan membangun. Jangan tertawakan sesama atau mengejek dengan kejam.
- c. Belajar bercakap sesuatu yang membangun. Puji mereka kalau mereka telah melakukan sesuatu dengan baik.
- d. Berusaha menggalakkan kawan-kawan anda untuk mendewasa dalam Tuhan dan untuk melayani-Nya.

Mengenal Engkau

A. Memilih Seorang Kawan

1. Bagikan secarik kertas untuk setiap orang. Suruh mereka tuliskan nama mereka dan kemudian lipatkannya.
2. Taruhkan nama-nama itu dalam dua kotak yang berbeza, satu untuk lelaki dan satu lagi untuk perempuan. Kemudian suruh

mereka maju ke hadapan dan pilih secarik kertas. Perempuan mengambil dari kotak lelaki, lelaki dari kotak perempuan.

3. Pastikan semua orang mempunyai nama, kalau tidak, satu orang mesti ambil lebih daripada satu.
4. Beritahu mereka bahawa tugas mereka minggu ini ialah melakukan sesuatu yang istimewa atau menolong seseorang atau menulis sesuatu yang boleh menggalakkan kawan mereka.
5. Mereka mesti mengenal kawan mereka setelah mereka telah melakukan tugas ini.
6. Kemudian mereka akan melakukan yang sama kepada orang lain dalam kelompok mereka tanpa perasaan romantik.



Doa

Bahagikan mereka kepada beberapa kelompok, setiap kelompok mempunyai dua lelaki dan dua perempuan. Suruh mereka berdoa agar Tuhan menolong mereka menjalin persahabatan yang baik dan saling mengasihi dan menggalakkan untuk lebih giat melayani Tuhan.

Sesi 6: Jatuh Cinta



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan membimbing para pemuda pemudi untuk:

1. Menyedari bahawa cinta ada dua jenis: cinta yang sejati dan cinta monyet.
2. Memahami perasaan cinta yang dialami oleh mereka itu kemungkinan besar cinta monyet.
3. Belajar cara untuk menguruskan cinta monyet yang dialami oleh mereka.



Pencetus Minat

Aktiviti ini akan menolong pemuda pemudi menyedari bahawa manusia selalu mementingkan yang kelihatan menarik pada lahiriah.

1. Sediakan bahan-bahan yang boleh digunakan untuk membungkus dan mengikat hadiah seperti kertas, kertas pembungkus, kertas mahjong.
2. Bahagikan kumpulan ini kepada lima atau enam kelompok.
3. Suruh mereka memilih seseorang untuk dibungkus.
4. Tetapkan waktu untuk membungkus.
5. Berikan hadiah-hadiah kecil kepada mereka yang telah membungkus dengan kreatif.



Berinteraksi

Kita membungkus semua hadiah dengan cantik sewaktu memberinya kepada orang lain. Kita selalu melihat bagaimana bungkusan itu dibungkus. Biasanya itulah cara kita merasa tertarik dengan seseorang. Kita melihat gaya mereka, kekacakan atau kecantikan mereka. Kita juga merasa tertarik dengan orang yang lebih mesra. Semua daya tarikan ini membuat hati kita berdebar-debar. Itu juga cara kita jatuh cinta dengan seseorang, hati kita berdebar-debar apabila kita melihatnya. Adakah ini sesungguhnya cinta? Adakah ini cinta sejati?



Aktiviti Bersama

Apa itu Jatuh Cinta?

1. Suruh mereka tetap dalam kelompok mereka.
2. Suruh mereka berbincang apa erti jatuh cinta.
3. Minta seseorang untuk menjadi pengambil nota dan mencatat

semua hasil perbincangannya.

4. Apabila mereka sudah selesai, mereka akan melaporkan hasil pendapat mereka.

Atau

Diskusi dengan mereka setelah mereka menyelesaikan kertas kerja
Apa itu Jatuh Cinta.

Rumuskannya seperti berikut:

Cinta terdiri daripada dua jenis: yang pertama dipanggil cinta sejati dan yang kedua dipanggil cinta monyet, atau cinta kilat yang boleh lenyap seperti asap.



Renungan Firman Tuhan



Penjelasan Cinta

a. Cinta Monyet

1. Ini seperti cinta kilat — ia terjadi dengan cepat dan bagi remaja tertentu ia sering terjadi.
2. Ia melibatkan banyak daya tarikan jasmani seperti cara senyuman yang manis; penampilan yang manrik.
3. Hati anda berdebar-debar kalau orang itu bersama anda, anda selalu membayangnya, anda berfikir anda akan mati jika anda tidak melihatnya walaupun sehari. Cinta ini bagai lakonan Hollywood.
4. Cinta Monyet itu terjadi seperti kilat dan akan lenyap seperti asap kalau anda tidak mengejar orang itu. Tidak lama lagi anda akan mencari orang lain untuk ‘jatuh cinta lagi.’

b. Cinta Sejati (Baca 1 Korintus 13:4-7)

1. Cinta jenis ini bertumbuh daripada persahabatan baik, mengambil waktu dan ia lebih daripada daya tarikan jasmani. Anda perlahan-lahan mengenal orang itu, menghormati dan memahami orang itu, dan bukan hanya bungkusan luar sahaja.
2. Cinta sejati tidak didasarkan pada perasaan seperti apa yang anda tonton dalam filem Hollywood.
3. Cinta sejati akan bertahan ujian waktu dan tidak hanya mementingkan diri dan mengambil berat akan orang lain.

1. Apabila Anda Jatuh Cinta

Sewaktu anda mengharungi alam remaja, setiap orang akan jatuh cinta dan kadangkala lebih daripada sekali. Apa yang perlu anda sedari ialah kemungkinan besar cinta ini bukan cinta sejati. Semua yang anda alami itu cinta monyet dan itu satu fasa mendewasa, jadi anda tidak perlu takut atau rasa teruja. Kalau anda mahu melalui fasa ini tanpa dilukai, anda perlu mengetahui cara mengurus diri sewaktu anda jatuh cinta monyet dengan seseorang atau kalau orang lain jatuh cinta monyet dengan anda.

Sewaktu jatuh cinta, anda tidak perlu berbuat apa-apa. Jangan kejar yang berlawanan jenis atau telefonnya setiap hari. Menderita sedikit. Anda akan mendapati api yang menyala-nyala itu akan padam kalau anda tidak mengipasnya selalu. Jangan berfikir tentang si dia tetapi menyalurkan semua tenaga anda dengan aktiviti-aktiviti bersama kawan-kawan lain. Jangan mengkhayal atau menggilanya bayangnya.

2. Apabila Seseorang Jatuh Cinta Dengan Anda

Jangan menggalakkan mereka atau surat menyurat dengan mereka. Nasihat diri bahawa ini bukanlah waktu untuk jatuh cinta. Bersopan santun tetapi menjawab “tidak” tanpa menghiraukan apa yang dikatakan hatimu. Pada umur ini, anda harus menikmati persahabatan dan bukan memupuk perhubungan kasih. Cinta romantik tidak sehebat yang ditonton dalam filem atau buku-buku. Lambat-laun rasa cinta anda akan lenyap. Kalau mereka tetap merayu-rayu atau mendesak, mintalah nasihat daripada orang yang lebih dewasa.



Renungan Peribadi

1. Bacakan surat kepada mereka.
2. Suruh mereka menulis jawapan mereka.
3. Pilih beberapa orang untuk membaca balasan surat mereka.



Doa

Tutup dalam doa dan berdoalah bersama mereka.

Sesi 7: Bila Saya Boleh Berpacaran?



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan membimbing mereka untuk:

1. Memahami bahawa Tuhan mempunyai waktu-Nya dan Dia telah menentukan segala yang dicipta-Nya termasuk waktu untuk berpacaran.
2. Menyedari bahawa waktu remaja bukanlah waktu yang sesuai untuk berpacaran atau menjalin perhubungan yang intim bersama kawan yang berlawanan jenis.
3. Mencapai keyakinan tentang apa yang harus dilakukan oleh mereka.



Pencetus Minat

Baca cerita di bawah ini dan bincang dengan mereka soalan-soalan yang berikut.

Lucy jatuh cinta dengan Robert yang sekelas dengannya. Ibu Lucy berkata Lucy hanya boleh jadi kawan biasa dengan Robert. "Jangan jatuh cinta dengannya dan jangan berani berpacaran dengan Robert," kata ibunya.

Lucy merasa tidak gembira apabila dia mengetahui ibunya curi-curi membaca sms yang dikirimkan oleh mereka berdua. "Ibu saya sangat kolot. Saya sudah dewasa!" kata Lucy kepada Cindy, kawan baiknya.

Lucy berpacaran dengan Robert tanpa diketahui ibunya dan sering menonton serta makan bersama dengan Robert.

Soalan:

- a. Adakah ibu Lucy bersikap kolot?
- b. Patutkah Lucy berpacaran dengan Robert tanpa diketahui oleh ibunya?



Aktiviti Bersama Apakah Pendapat Anda

1. Untuk berpacaran dengan seseorang bererti kita mempunyai waktu yang khusus untuk bersama orang itu. Apakah waktu yang tepat?
2. Kalau anda menonton filem-filem, khususnya filem dari Amerika, membaca cerita cinta dan majalah remaja, anda akan mendapati pemuda-pemudi di sana berpacaran pada waktu yang muda. Di Amerika mereka berpacaran semuda sebelas atau dua belas tahun.
3. Adakah mengikuti yang lazim dilakukan remaja lain itu betul? (Roma 12:2)
4. Alkitab memberitahu kita agar kita tidak dipengaruhi oleh apa yang diajari oleh dunia ini.
5. Pada sesi pertama, anda harus memberitahu mereka bahawa sewaktu remaja mereka patut memupuk persahabatan yang baik dan sihat dengan kawan-kawan yang berlawanan jenis. Waktu ini anda patut bergaulan dan memperlakukan orang dengan baik seperti saudara-saudari seiman. Ini akan menolong mereka untuk memupuk persahabatan yang baik dan kukuh sebagai landasan perkahwinan mereka.
6. Untuk berpacaran bererti anda telah tertarik kepada seseorang dan anda telah menganggap dia istimewa dan memupuk persahabatan istimewa bersamanya. Ini langkah yang kurang wajar kerana anda masih muda dan perlu menumpukan perhatian pada pelajaran anda. Tambahan pula, kalau anda berpacaran dan bersendirian anda mungkin terlibat dalam perhubungan intim seperti memegang tangan, mencium-cium, dan yang lain. Ini akan membawa masalah-masalah kepada anda.
7. Bilakah waktu yang tepat untuk berpacaran?
Umur anda masih terlalu muda. Berpacaran itu merupakan satu permulaan perhubungan yang serius. Seseorang boleh memulakan satu persahabatan dan mempunyai seorang sahabat lelaki atau perempuan yang istimewa jika dia tahu bahawa dia serius dan akan mengahwini orang itu kelak. Ini akan terjadi sewaktu anda menuntut di universiti atau kolej atau sewaktu anda sedang bekerja.
8. Bilakah waktu yang tepat untuk memulakan perhubungan jasmani

seperti memegang tangan, dan mencium.

Umur anda masih terlalu muda untuk memegang tangan. Salah satu bahaya daripada berpacaran pada waktu muda ialah anda mungkin tergoda untuk memulakan perhubungan jasmani. Daya tarik kepada kawan berlawanan jenis memang sesuatu yang alamiah. Jadi kalau anda jatuh cinta, selalu berhubung akrab, anda cenderung melakukan hal-hal seperti yang tertayang dalam TV dan filem-filem.

Bilakah waktunya untuk berpegangan tangan dan memberi ciuman yang pertama? Berpegangan tangan dan mencium harus ditunggu sehingga anda menjalin perhubungan istimewa, bertunangan dan hampir berkahwin. Walau bagaimanapun pada tahap ini anda perlu berhati-hati dan sangat disiplin.



Renungan Firman Tuhan

1. Jangan bermain-main dengan perhubungan jasmani kerana akhirnya anda akan terbakar. (2 Samuel 13:1-2, 7-15)
2. Kalau para remaja menurut keinginan nafsu sendiri, mereka akan mencemari diri sendiri dan orang lain. (Kejadian 34:1-4)

Nasihat Tambahan:

1. Jangan cepat terpengaruh oleh apa yang anda lihat, baca, atau desakan daripada teman-teman.
2. Jangan fikir memiliki seorang teman lelaki atau teman wanita sungguh indah dan kalau tidak ada orang yang berminat terhadap anda maka anda ada kekurangan sesuatu.
3. Segala sesuatu ada waktunya, termasuk waktu untuk berpacaran.
4. Curahlah waktu dan tenaga anda memikirkan lelaki wanita atau lelaki sungguh membazir waktu.
5. Ingat, ukuran Tuhan untuk menjalin perhubungan istimewa anda berbeza dari dunia ini. Ikutlah cara-Nya walaupun kawan-kawan anda mungkin menertawakan anda kerana anda berusaha hidup suci dan murni. Tuhan berjanji akan memberkati anda.
6. Namun, anda boleh keluar dalam kelompok di bawah pengawalan seorang dewasa seperti makan malam bersama, menyiapkan parti hari jadi, membuat video dokumentari bersama, skating...



Renungan Peribadi

Suruh mereka isi diari mereka.



Doa

Suruh mereka kembali ke kelompok kecil mereka dan saling berdoa agar apa yang dipelajari hari ini akan mengubah mereka dan hati mereka. Suruh mereka mengikut apa yang diajari Tuhan dan jangan terpengaruh oleh cara manusia atau tekanan daripada teman-teman sebaya..



Aktiviti Tambahan

Kalau pemuda-pemudi anda tinggal di bandar, mereka mungkin terdedah kepada banyak masalah perhubungan lelaki dan perempuan yang belum terjawab dalam siri ini.

Anda boleh memberi mereka sesi tambahan untuk menjawab semua soalan mereka, atau mengundang orang yang berpengalaman untuk berceramah.

Anda boleh mendapat soalan-soalan daripada mereka sendiri supaya pada sesi akan datang anda boleh menjawabnya.

Anda boleh menamakan sesi tambahan ini sebagai: “Segala yang anda ingin tahu tentang perhubungan lelaki dan perempuan yang tidak pernah ditanya orang lain.”

Sesi 8: Perkataan 4 Huruf: Seks



Objektif-Objektif Sesi

Sesi ini akan membimbing pemuda-pemudi untuk:

1. Menyedari sikap semasa terhadap seks di masyarakat kita.
2. Memahami prinsip-prinsip Alkitabiah terhadap seks dalam rangka perkahwinan.
3. Memahami bahawa perhubungan seks di luar nikah merupakan satu dosa di mata Tuhan.
4. Kebahayaannya seks di luar pernikahan dan mempertimbangkan sebab-sebabnya mereka berdiri teguh dalam pendirian mereka.



Aktiviti Bersama **Mari Kita Mendengar Pendapat Anda**

1. Berikan mereka dua set kad, setiap set mempunyai satu jenis warna, contohnya, biru dan merah. Merah untuk salah dan biru untuk benar.
2. Sewaktu anda membaca pernyataan anda mengenai seks mereka mesti mengangkat kad itu untuk menunjukkan benar atau salah.
3. Di bawah ada beberapa pernyataan yang anda boleh bacakan kepada mereka.
 - a. Alkitab sangat kolot dan tidak memberi kita sumber yang terkini tentang seks.
 - b. Seks diciptakan oleh Tuhan dan ia adalah satu pemberian untuk perkahwinan.
 - c. Kalau dua orang saling mencintai, seks sebelum pernikahan itu tidak menjadi masalah
 - d. Seks diciptakan oleh Tuhan untuk mencipta bayi.
 - e. Perhubungan seks tidak menjadi kisah kalau kita mengambil langkah yang wajar untuk mencegah kehamilan.
 - f. Orang lain tidak ada hak untuk memberitahu anda apa yang harus anda lakukan untuk kehidupan seks anda.
 - g. Perhubungan seks tidak menjadi masalah kerana semua kawan-kawan saya juga melakukannya.
 - h. Kalau dua orang sudah pasti atau sudah bertunang, mereka bolehlah melakukan seks.
 - i. Kalau ibu bapa anda tidak melarang anda, saya merasa perhubungan seks di luar pernikahan boleh saja.

Interaksi

1. Informasi seks tersebar melalui banyak sumber. Para remaja mendapat banyak maklumat mereka daripada media seperti internet, filem-filem, televisyen dan iklan-iklan.
2. Para remaja juga sering mendapat informasi daripada kawan-kawan mereka yang selalunya juga berasal daripada media.
3. Biasanya rancangan televisyen atau filem-filem akan menggambarkan seks sebagai sesuatu yang biasa sahaja sama ada sebelum pernikahan atau di luar pernikahan. Suruh mereka memberitahu tajuk-tajuk filem yang bertemakan ini.
4. Perhubungan seks dengan teman-teman lelaki dianggap para remaja moden sebagai sesuatu yang wajar dan boleh dilakukan asal mereka tidak ditangkap basah oleh ibu bapa mereka atau sekolah mereka, dan asal mereka tidak menjadi hamil.
5. Sebagai seorang Kristian, kita patut mengetahui apakah yang ditentukan oleh Tuhan dan apakah pandangan Tuhan mengenai seks. Apakah tujuan seks yang ditetapkan oleh Tuhan sama dengan yang dianggap oleh dunia?
6. Sesi ini akan menolong mereka memperbaiki pemahaman mereka tentang seks dan membuat pendirian yang betul mengenai isu ini.



Renungan Firman Tuhan

Cerita Tuhan Tentang Seks

1. Suruh mereka mengerjakan kertas kerja mereka: Cerita Tuhan Tentang Seks
2. Selidiki jawapannya bersama dengan mereka.
3. Minta mereka memberi jawapan-jawapan mereka.

Penjelasan Alkitab

Soalan 1

1. Alkitab memberitahu bahawa lelaki dan wanita adalah mahkota mulia ciptaan Tuhan kerana Tuhan menciptakan mereka seperti Diri-Nya.
2. Kejadian 2:18 memberitahu kita bahawa Tuhan telah mencipta lelaki dan wanita untuk satu tujuan-Dia ingin mereka menjadi teman dan tidak hidup sendiri. Tuhan berkata tidak baik bagi seorang lelaki untuk hidup bersendirian.
3. Matius 19 Yesus menjelaskan perhubungan istimewa yang telah diciptakan iaitu suami dan isteri. Perhubungan suami isteri harus

berkekalan.

4. Apakah yang istimewa mengenai perhubungan ini? Ajak mereka untuk menjawab. Tuhan Yesus menjelaskan dalam perhubungan ini kedua-dua menjadi satu daging.

Soalan 2 & 3

Apakah erti menjadi satu daging?

Biar mereka jawab. Penjelasan satu daging dari Matius 19:6.

1. Kesatuan ini tidak bererti bersama sahaja tetapi juga bererti menjadi satu dalam emosi, kerohanian, jasmani, dan juga secara seksual.
2. Bahagian seksual ini juga sebahagian dari kesatuan ini. Oleh kerana ini tidak ada sesiapaupun yang boleh memisahkan pasangan ini sama ada secara seksual atau secara jasmani.
3. Seks diciptakan oleh Tuhan dan harus dinikmati oleh suami isteri. Banyak orang berfikir oleh kerana mereka Kristian mereka mempunyai pandangan yang teguh mengenai seks maka mereka tidak memikirkannya, bahkan ada orang tertentu berfikir seks itu kotor! Mereka berfikir seks harus dilakukan hanya untuk membuat anak.
4. Orang Kristian perlu memahami bahawa Tuhan telah mencipta setiap bahagian tubuh kita termasuk organ-organ seks kita. Yang kedua, kita perlu memahami organ seks ini mempunyai sistem saraf yang dapat memberi perasaan yang menyeronokkan. Namun, keseronokan ini bukan hanya untuk keseronokan sahaja. Ia seperti semua yang baik yang diciptakan Tuhan, keseronokan seksual patut dinikmati dalam perhubungan yang diciptakan iaitu suami isteri.
5. Seks tidak hanya bertujuan memberi keseronokan jasmani tetapi ia salah satu cara Tuhan mencipta kesatuan secara emosional dan jasmani antara seorang lelaki dan perempuan dalam konteks perkahwinan.

Seks telah menjadikan suami dan isteri satu di pandangan Tuhan

(Matius 19:8-9; Ibrani 13:4)

1. Dalam Matius 19:8-9, Yesus berkata bahawa perhubungan seksual yang bukan sebahagian daripada perhubungan perkahwinan ini dianggap sebagai dosa di mata Tuhan kerana pasangan yang sudah bernikah dianggap sebagai satu. Seseorang akan dianggap sebagai melakukan perzinaan kalau dia mengadakan perhubungan seks di luar pernikahan.

2. Ibrani 13:4 mengatakan bahawa kita semua harus menghormati institusi perkahwinan dan jangan mencemarkan tempat tidur, sebab orang-orang sundal dan pezina akan dihakimi Tuhan. Perhubungan seks di luar pernikahan dianggap perzinaan dan tidak bermoral serta salah.



Suruh mereka baca 1 Korintus 6:16-20.

- a. Paulus memberi amaran kepada kita bahawa kalau kita mengadakan perhubungan seks dengan sesiapa sahaja, kita sebenarnya sedang bersatu dengannya. Tuhan hanya mengizinkan hal ini dalam perhubungan suami isteri.
- b. Sesiapa yang melakukan perhubungan seks di luar pernikahan sebenarnya berdosa terhadap tubuhnya sendiri. Tuhan tinggal di dalam diri kita. Beranikah kita berdosa terhadap-Nya dan mencemari bait suci-Nya iaitu tubuh kita?
- c. Anda telah dibeli dengan harga yang begitu mahal — harganya ialah kematian Anak-Nya!
- d. Seks yang dilakukan sebelum pernikahan atau di luar pernikahan adalah salah di pandangan mata-Nya dan ini menjadikan kita tercemar di hadirat-Nya. Kita harus kudus seperti Dia yang kudus. Jadi, kita tidak mempunyai alasan apapun untuk berdosa dalam hal ini.
- e. Belajar berdiri teguh walaupun anda mungkin diejek oleh kawan-kawan anda. Mereka mungkin berfikir anda berhak untuk membuat pilihan. Ingat, itu hanya pendapat mereka sahaja.
- f. Banyak orang sedang mencari seseorang atau sesuatu untuk memenuhi hati mereka dan mereka berfikir menjalin perhubungan seks dapat memberi hubungan intim dengan teman mereka.
- g. Seks tanpa perhubungan pernikahan tidak memberi jaminan dan kekal dan ia akan menghasilkan kekosongan dalam perasaan mereka. Seks hanya akan menjadi tindakan jasmani sahaja dan emosi akan terluka.
- h. Kawan-kawan mungkin bebas menjalin perhubungan seks namun mereka tidak memperoleh kegembiraan yang mendalam atau kepuasan yang hanya didasarkan seks.
- i. Anda boleh melakukan aktiviti-aktiviti jasmani lain yang boleh memberi anda keseronokan dan kepuasan tanpa berdosa terhadap tubuh sendiri atau hidup dalam perasaan bersalah. Pelihara kesucian anda untuk perhubungan pernikahan yang istimewa yang Tuhan panggil pada masa yang akan datang. Anda tidak akan menyesal.

Curah pendapat

Setelah mereka membincang tentang pernyataan-pernyataan yang dihadapi oleh remaja, diskusi dengan mereka tentang pendapat mereka. Suruh wakil daripada setiap kumpulan untuk tampil dan memberi pendapat mereka. Tuliskan pernyataan dan pendapat yang menentanginya di atas papan putih. Biar semua orang bersetuju sebelum menulisnya.

Kesan-Kesan Seks Sebelum Pernikahan

1. Kehilangan kedaraan/keperawanan
2. Kehamilan
3. Pengguguran anak
4. Melahirkan anak di luar nikah
5. Perkahwinan yang terdesak
6. Penularan penyakit kelamin



Doa

Tutup dengan doa.

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk tiga tahun yang pertama: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pemimpin dan belia.

Buku pertama "**Istimewa di Mata Tuhan**" bertujuan menolong remaja yang masuk ke alam akil baligh (umur antara 11-14 tahun) untuk memahami perubahan dalam diri mereka. Selain itu, buku ini juga membincang tentang harga diri, persahabatan, tujuan lelaki dan perempuan diciptakan; dan isu-isu praktikal seperti jatuh cinta, bila berpacaran, dan seks agar para remaja Kristian menerima ajaran yang sihat.



"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang dituliskan menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00